

# **Sandaran Kajian Umum Mengenai Pembacaan Santai di Kalangan Pelajar**

Zarina bt Zainol dan Prof. Madya Zaiton Endot

Kolej Mawar, UiTM Shah Alam,  
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
zarina@tmsk.uitm.edu.my

**Abstrak:** Kajian telah membuktikan bahawa kemudahan bahan atau material pembacaan membantu meningkatkan frekuensi atau jumlah pembacaan santai (recreational reading) seseorang. Pembacaan santai mempunyai perkaitan dengan kebolehan memperbaiki keupayaan pembacaan, gaya penulisan, perbendaharaan, ejaan, pembangunan tatabahasa [1], malah juga membantu dalam kejayaan akademik seseorang pelajar. Kejayaan akademik di peringkat tertiar merupakan fenomena multidimensi yang merangkumi kemahiran bahasa, strategi pembelajaran dan sedikit sifat seseorang [2]. Oleh yang demikian, satu kajian dijalankan di kalangan 200 pelajar Kolej Mawar, Universiti Teknologi MARA bagi mendapatkan maklumat mengenai tabiat pembacaan santai mereka. Hasil kajian ini mendedahkan tabiat pembacaan pelajar, dengan ini dapat mempertingkatkan kesedaran tentang pentingnya pembacaan santai dalam membentuk kejayaan akademik mereka. Keputusan kajian juga dapat membantu pihak pengurusan kolej kediaman dan universiti dalam memperbaiki kemudahan infrastruktur asrama, terutamanya kemudahan bilik bacaan ataupun kemudahan rekreasi serta material pembacaan bagi memudahkan pelajar meluangkan masa untuk melakukan pembacaan santai.

**Katakunci:** Kolej kediaman, Pelajar, Pembacaan santai.

## **1) Pengenalan**

Kajian yang dijalankan oleh pihak Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 1996 [3] menunjukkan bahawa rakyat Malaysia secara puratanya membaca 2 buah buku dalam setahun. Walaupun telah 10 tahun berlalu, hasil kajian profail pembacaan rakyat Malaysia ini agak mengecewakan. Rentetan daripada itu, pelbagai program telah dijalankan diperingkat kebangsaan bagi memastikan rakyat Malaysia membaca kerana tabiat pembacaan yang konsisten dan literasi maklumat yang tinggi merupakan kunci kepada masyarakat bermaklumat. Tambahan pula, kajian yang lepas [4] telah menunjukkan bahawa sistem pendidikan di Malaysia menggalakkan pembelajaran secara menghafal serta kebanyakan pelajar Malaysia membaca dengan matlamat untuk lulus peperiksaan, bukannya membaca untuk tujuan santai.

Pembacaan secara santai, atau pembacaan santai bermaksud membaca sesuatu yang tidak begitu diperlukan [5]. Contoh bahan bacaan santai adalah seperti majalah, novel, puisi atau sajak, suratkhabar dan sebagainya. Ramai pengkaji literatur telah berjaya membuktikan terdapatnya perkaitan antara pembacaan santai dengan kejayaan akademik seseorang pelajar.

## **2) Latarbelakang kajian**

Sepanjang dua puluh lima tahun yang lepas, banyak kajian menunjukkan bahawa menyediakan lebih banyak peluang kepada pelajar untuk membaca secara santai membawa banyak kebaikan kepada mereka [6]. Gallik [7] di dalam kajianya telah membuktikan bahawa jumlah masa yang diperuntukkan oleh pelajar untuk pembacaan santai boleh dijadikan batu ukur dalam kejayaan akademik mereka. Secara relatifnya, boleh dikatakan bahawa semakin banyak masa yang diperuntukkan oleh seseorang pelajar untuk pembacaan santai, maka, semakin tinggi potensinya untuk maju di dalam bidang akademik. Pembacaan santai juga telah dibuktikan berkesan dalam mempertingkatkan keupayaan pembacaan, gaya penulisan, perbendaharaan kata, ejaan dan pembangunan tatabahasa [8].

Namun begitu, apa yang perlu ditekankan disini ialah tentang bagaimanakah untuk menggalakkan pembacaan santai di kalangan pelajar yang menghuni sesebuah kolej kediaman. Selain itu juga, isu lain yang perlu diambil kira ialah bagaimanakah kolej kediaman boleh dijadikan sebagai faktor dalam menggalakkan pelajar membaca, bahkan juga sebagai faktor dalam membentuk kejayaan akademik seseorang pelajar melalui pembacaan santai mereka.

Satu kajian telah dijalankan di kalangan 200 orang penghuni kolej kediaman di Kolej Mawar, Universiti Teknologi MARA, berkenaan tabiat pembacaan santai mereka. Kolej Mawar merupakan salah sebuah kolej kediaman bagi pelajar perempuan. Kolej ini mampu menampung sehingga 3500 pelajar pada satu-satu masa. Adalah merupakan tanggungjawab pihak pengurusan kolej untuk menyediakan kemudahan penempatan yang selesa, disamping kemudahan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan sebagai seorang pelajar. Oleh yang demikian, kajian ini membuka ruang kepada pihak pengurusan kolej kediaman dalam usaha memantapkan kemudahan bagi tujuan pembelajaran pelajar.

### **3) Antara objektif kajian ini ialah:**

1. Mendapatkan maklumat tentang tabiat pembacaan pelajar, dengan ini dapat mempertingkatkan kesedaran tentang pentingnya pembacaan santai dalam mempertingkatkan kejayaan akademik mereka.
2. Mengenalpasti apakah persepsi pelajar terhadap pembacaan santai.
3. Membuka ruang kepada pihak pengurusan kolej kediaman untuk mempertingkatkan kemudahan atau fasiliti bagi tujuan pembacaan santai seperti ruang pembacaan serta bahan atau material bacaan.

### **4) Signifikan kajian**

1. Memberi garis panduan kepada kolej kediaman sebagai institusi yang boleh menjadi faktor kejayaan pelajar di dalam bidang akademik melalui pembacaan santai.
2. Persediaan kolej kediaman dalam mempertingkatkan kemudahan fasiliti bagi tujuan pembacaan santai pelajar.
3. Melalui kajian ini, pihak kolej kediaman boleh mendapatkan maklumat tentang material pembacaan santai yang patut dan boleh diperbanyakkan, berdasarkan buku atau penulis kegemaran pelajar.

### **5) Methodologi**

Kaedah perlaksanaan kajian pembacaan santai di kalangan pelajar yang tinggal di kolej kediaman Mawar ini adalah melalui kaji selidik. Sebanyak 200 soal selidik telah diedarkan. Soal selidik bertajuk “Tabiat Pembacaan Santai di Kalangan Pelajar: Satu Kajian Umum” telah dirangkakan untuk tujuan itu. Soal selidik mengandungi 5 soalan berkenaan demografik pelajar, 2 soalan berkenaan tabiat pembacaan mereka, 5 soalan tentang gaya pembacaan mereka dan 2 soalan menyentuh tentang kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan kolej kediaman.

### **6) Hasil Kajian dan Perbincangan**

#### **6.1) Tabiat Pembacaan Pelajar**

Hasil daripada soal selidik menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar merupakan pelajar ijazah sarjana muda (74%) dan berumur melebihi 21 tahun. Berdasarkan tabiat pembacaan pelajar, berikut merupakan keputusan daripada soal selidik yang diperolehi, mengikut peratusan bagi setiap jenis bahan bacaan yang dibaca.

**Jadual 1 : Frekuensi Pembacaan Pelajar Mengikut Jenis Bahan Bacaan**

Jenis Bahan Bacaan	Tidak Pernah	Sekurangnya setahun sekali	Sekurangnya sebulan sekali	Sekurangnya seminggu sekali	Setiap hari
<b>Suratkhabar Melayu</b>	0.5%	0.5%	1.0%	38.0%	60.0%

<b>Suratkhabar Bahasa Inggeris</b>	0.5%	2.5%	22.0%	59.5%	15.5%
<b>Novel Melayu</b>	10.5%	31.5%	40.5%	15.0%	2.5%
<b>Novel Bahasa Inggeris</b>	10.5%	47.5%	32.5%	8.0%	1.5%
<b>Majalah</b>	2.0%	4.5%	36.0%	49.0%	8.5%
<b>Komik</b>	25.0%	26.0%	25.5%	18.5%	5.0%
<b>Puisi</b>	50.5%	29.5%	12.5%	5.5%	2.5%
<b>Bacaan Melalui Internet</b>	11.0%	12.5%	34.0%	30.0%	12.5%
<b>Material Berunsurkan Agama</b>	16.0%	18.0%	34.5%	24.5%	7.0%
<b>Lain-lain</b>	95.0%	1.5%	0.5%	1.0%	2.0%

Secara umumnya, kebanyakan pelajar (60%) hanya membaca suratkhabar Bahasa Melayu setiap hari. Selebihnya (kurang 16%) hanya menyentuh bahan bacaan santai mungkin seminggu, sebulan, atau setahun sekali.

Selain itu, boleh dikatakan jenis bahan bacaan amat mempengaruhi tabiat pembacaan pelajar, iaitu suratkhabar merupakan bahan bacaan yang paling kerap dibaca oleh pelajar (dibaca setiap hari), iaitu 60% untuk suratkhabar berbahasa Melayu dan 15.5% bagi suratkhabar Bahasa Inggeris, berbanding dengan jenis bahan bacaan lain. Walau bagaimanapun, boleh disimpulkan daripada hasil peratusan tersebut ialah, kebanyakan pelajar amat kurang melakukan pembacaan santai.

Antara lain, kebanyakan pelajar menyatakan antara bahan bacaan yang paling digemari ialah majalah (seperti Cleo dan Readest Digest) serta novel yang berunsurkan cinta, seram dan penyiasatan. Ada juga pelajar yang memberi respon bahawa mereka lebih suka menghabiskan masa dengan membaca buku teks, iaitu buku yang berkaitan dengan subjek yang diambil. Selain itu juga, tabiat pembacaan pelajar juga kadangkala berkait secara lansung dengan kursus mereka. Sebagai contoh, pelajar dari bidang senibina lebih berminat membaca bahan atau majalah yang berkaitan dengan senibina, dan pelajar dari bidang Hotel dan Katering pula akan membaca majalah yang berunsurkan makanan atau masakan.

Sejauh mana mereka memahami bahan bacaan yang dibaca? Berikut merupakan jadual peratusan yang menunjukkan tahap pemahaman pelajar terhadap bahan yang dibaca.

**Jadual 2 : Tahap Pemahaman Pelajar Mengikut Jenis Bahan Bacaan**

<b>Jenis Bahan Bacaan</b>	<b>Tidak Berkenaan</b>	<b>Tidak Faham Lansung</b>	<b>Sukar Untuk Difahami</b>	<b>Boleh Difahami</b>	<b>Mudah Difahami</b>

<b>Suratkhabar Melayu</b>	-	1.0%	1.0%	6.0%	92.0%
<b>Suratkhabar Bahasa Inggeris</b>	-	2.0%	1.5%	71.0%	25.5%
<b>Novel Melayu</b>	3.0%	2.5%	2.0%	9.5%	83.0%
<b>Novel Bahasa Inggeris</b>	2.0%	3.0%	15.0%	63.5%	16.5%
<b>Majalah</b>	2.0%	0%	1.5%	16.5%	80.0%
<b>Komik</b>	3.5%	3.5%	5.0%	20.0%	68.0%
<b>Puisi</b>	6.5%	10.5%	40.5%	34.5%	8.5%
<b>Bacaan Melalui Internet</b>	4.0%	2.0%	7.5%	47.0%	39.5%
<b>Material Berunsurkan Agama</b>	9.5%	2.5%	5.0%	50.5%	32.5%
<b>Lain-lain</b>	93.0%	1.0%	1.0%	4.0%	1.0%

Suratkhabar Bahasa Inggeris, novel Bahasa Inggeris dan puisi merupakan antara bahan bacaan yang agak sukar difahami dan peratusan kefahaman adalah yang terendah, iaitu 25.5%, 16.5% dan 8.5% masing-masing. Untuk bahan bacaan lain yang berbahasa Melayu, kebanyakan pelajar tidak mempunyai masalah untuk memahami kandungannya. Peratusan yang rendah bagi pemahaman bahan bacaan berbahasa Inggeris tidak patut dipandang remeh oleh pelajar. Hasil ini menunjukkan bahawa pelajar patut berusaha mendalami Bahasa Inggeris, kerana mereka sedang berada di peringkat pengajian yang memerlukan pengetahuan yang agak tinggi dalam Bahasa Inggeris, tambahan pula Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantara di dalam kuliah bagi semua Pusat Pengajian di UiTM. Di dalam kajian lain yang dijalankan terhadap pelajar tahun pertama Ijazah Kajian Bahasa Inggeris dan Literatur di Universiti Sains Malaysia [9], kebanyakan responden percaya bahawa untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, mereka perlu lebih banyak membaca bahan bacaan berbahasa Inggeris.

## 6.2) Gaya Pembacaan Pelajar

Secara umumnya, boleh dikatakan bahawa kebanyakan pelajar membaca setiap muka surat (80%) dan juga memberi tumpuan kepada gambarajah, peta dan graf (79.5%) apabila mereka membaca majalah atau sebarang bahan bacaan santai lain. Ramai juga responden yang hanya membaca permulaan dan kesudahan sesuatu bahan bacaan, iaitu sebanyak 65.5%. Gaya pembacaan ini mungkin dimaksudkan apabila mereka membaca novel, kerana jalan cerita yang terlalu panjang kadangkala membuatkan seseorang menjadi bosan untuk meneliti keseluruhan jalan cerita. Lebih kurang separuh daripada responden (50.5%) hanya membaca secara sepintas lalu. Jadual 3 di bawah meringkaskan gaya pembacaan santai pelajar.

**Jadual 3 : Gaya Pembacaan Pelajar**

Gaya Pembacaan	Ya (%)	Tidak (%)
----------------	--------	-----------

Baca setiap muka surat	80.5	19.5
Baca gambarajah, peta dan graf	79.5	20.5
Baca permulaan dan kesudahan	65.5	34.5
Baca sepintas lalu	50.5	49.5
Lain-lain : Baca sinopsis	0.5	99.5

Sejauh mana pelajar mengaitkan pembacaan santai dengan akademik mereka? Berdasarkan soal selidik tentang pembacaan santai dapat atau tidak membantu di dalam pembelajaran pelajar, jadual 4 di bawah merumuskan bahawa 97% daripada responden menyatakan bahawa pembacaan santai sememangnya membantu pembelajaran akademik mereka.

**Jadual 4 : Pembacaan Santai Membantu Akademik Pelajar?**

Pembacaan Santai Membantu Pelajar?	%
Ya	97.0
Tidak	3.0

Bagaimana pembacaan santai dapat membantu pembelajaran pelajar? Jelas sekali kebanyakan responden percaya bahawa pembacaan santai dapat membantu dalam pembelajaran melalui beberapa cara, seperti yang tersenarai di dalam jadual 5 di bawah.

**Jadual 5 : Bagaimana Pembacaan Santai Membantu Pembelajaran Pelajar?**

Perkara	Membantu (%)	Tidak Membantu (%)
Menghilangkan tekanan akademik	77.0	23.0
Memberi lebih pengetahuan dan maklumat	84.5	15.5
Membantu meningkatkan skil bahasa	81.0	19.0
Menyumbang idea	80.5	19.5
Menggalakkan pemikiran kreatif	74.5	25.5
Menggalakkan pemikiran kritikal dan analitikal	66.5	33.5
Lain-lain	3.0	97.0

Selain daripada perkara di dalam jadual 5 di atas, ada pelajar menyatakan pembacaan santai dapat mengelakkan mereka daripada tertidur, dapat membuat mereka ketawa, dapat memberi motivasi kepada mereka serta dapat memberi pengetahuan tentang dunia luar yang sebenar kepada mereka.

Walau bagaimanapun, 3% daripada responden menyatakan pembacaan santai tidak membantu di dalam pembelajaran mereka. Antara sebab mereka mengatakan demikian kerana :

- Bacaan santai kebanyakannya adalah bahan bacaan yang yang tidak elok ('junk') (1.5%)

- Bacaan santai hanya sekadar bahan bacaan romantis (0.5%)
- Tidak berkenaan dengan akademik (2.0%)
- Pembacaan santai merupakan satu kaedah eskapisme (0.5%)

Selain daripada perkaitan antara pembacaan santai dengan pembelajaran, kesemua responden memberi maklum balas tentang masalah yang mereka hadapi apabila hendak melakukan pembacaan santai. 61% daripada responden menyatakan kekangan masa sebagai punca utama kenapa mereka kurang membaca bahan bacaan santai. Manakala, kekurangan bahan bacaan (45.5%) juga menjadi faktor yang menyebabkan pelajar tidak membaca. Antara lain, ada juga responden yang tidak memahami bahan yang dibaca (14%). Faktor kewangan juga merupakan atribut yang menyumbang kepada permasalahan pembacaan santai pelajar.

## **7) Kemudahan Yang Disediakan Oleh Pihak Kolej Kediaman**

Penulis cuba mendapatkan maklumbalas tentang kemudahan yang disediakan oleh pihak kolej kediaman kerana Krashen [10] di dalam kajianya menekankan bahawa ‘capaian membawa kepada membaca dan membaca akan membawa kepada peningkatan literasi’. Apa yang dimaksudkan di sini ialah pelajar yang mudah mendapatkan buku atau bahan bacaan akan meluangkan lebih banyak masa untuk membaca. Lanjutan daripada itu, semakin banyak buku yang disediakan, maka semakin tinggi potensi pelajar untuk membaca. Krashen juga menjelaskan bahawa membaca dapat membantu seseorang mempertingkatkan pertumbuhan, tata bahasa, ejaan dan penulisan seseorang.

Antara lain, kemudahan kawasan bacaan dan perpustakaan juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan pembacaan santai pelajar. Keith Curry dan rakan-rakan [11] di dalam kajian mereka berjaya membuktikan bahawa perpustakaan sekolah dengan koleksi buku yang pelbagai serta terkini menunjukkan skor pembacaan yang lebih tinggi di kalangan pelajarnya.

Maklumbalas yang diterima daripada pihak pelajar menunjukkan bahawa pihak kolej perlu mempertingkatkan kemudahan pembacaan santai. Bahan bacaan, kawasan bacaan dan perpustakaan sememangnya disediakan oleh pihak kolej kediaman, namun pihak pelajar merasakan perlu dipertingkatkan lagi. Kategori kemudahan yang dimaksudkan ialah :

### *a) Bahan bacaan*

Kebanyakan responden mendapati amat kurang bahan bacaan yang disediakan. Oleh yang demikian, mereka berharap pihak kolej dapat menyediakan bahan bacaan yang bersesuaian dan perlu juga bahan bacaan yang terkini. Salah satu kaedah untuk meningkatkan jumlah masa yang diperlukan untuk pembacaan santai ialah dengan menambah bahan terbitan terkini secara berterusan [12]. Selain ditambah bilangan bahan bacaan, mereka juga berharap bahan bacaan dipelbagai, seperti majalah berorientasikan sukan, agama, hiburan, perjalanan dan sebagainya. Kepelbagaiannya bahan bacaan merupakan faktor penting dalam usaha menggalakkan pelajar membaca kerana ia dapat menambah minat pelajar untuk membaca [13]. Forsythe [14] menyatakan “Worthy (1996) menyimpulkan bahawa menyediakan bahan bacaan untuk bacaan santai akan menggalakkan pembaca yang kurang gemar membaca untuk membaca”.

Namun begitu, apa yang menarik ialah terdapat juga segelintir pelajar yang merasakan tidak perlu banyak bahan bacaan kerana pelajar tiada masa untuk mengunjungi perpustakaan.

### *b) Kawasan bacaan*

Kawasan bacaan yang dimaksudkan di sini ialah satu kawasan terbuka yang mempunyai kemudahan yang sesuai untuk pelajar membaca secara santai. Boleh dikatakan kesemua pelajar berpendapat kawasan untuk bacaan santai patut disediakan di setiap aras, atau diberbanyakkan, untuk menampung bilangan penghuni yang ramai. Kawasan ini harus dilengkapi dengan meja dan kerusi yang bersesuaian, contohnya meja “McD”, kipas dan pencahayaan yang mencukupi. Selain itu juga, kebersihan kawasan bacaan perlu diselenggara selalu. Ada juga pelajar menyarankan supaya ditambah meja dan kerusi di sekitar aras bawah setiap bangunan. Lanskap yang menarik, dengan hiasan tumbuhan yang kreatif merupakan faktor lain yang boleh dipertimbangkan apabila merekacipta kawasan rekreasi yang boleh dijadikan kawasan untuk pembacaan santai.

c) *Perpustakaan*

Perpustakkan memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pelajar untuk membaca. Terdapat pelajar mencadangkan supaya sebuah mini perpustakaan disediakan di setiap bangunan kediaman. Perpustakaan yang sedia ada agak sempit dan tidak dapat menampung bilangan penghuni kolej. Ada juga pelajar berharap supaya perpustakaan yang disediakan dilengkapi dengan kemudahan capaian Internet serta dibuka 24 jam. Selain itu, sesetengah pelajar membayangkan agar perpustakaan di Kolej Mawar menyerupai perpustakaan utama universiti. Walau bagaimanapun, terdapat seorang pelajar menyatakan bahawa tidak perlu disediakan perpustakaan di kolej memandangkan perpustakaan utama universiti terletak tidak jauh dari kolej.

## 8) Kesimpulan

Terdapat dua pihak yang terlibat di dalam kaji selidik ini, iaitu pelajar dan pihak kolej kediaman. Secara umumnya, jika dilihat secara harian, boleh dikatakan kebanyakan pelajar tidak atau sangat kurang melakukan pembacaan santai, kecuali suratkhabar Bahasa Melayu (dibaca setiap hari) dan suratkhabar Bahasa Inggeris (dibaca seminggu sekali). Bagaimana dengan bahan bacaan yang lain? Walaupun kebanyakan pelajar percaya bahawa pembacaan santai dapat membantu di dalam akademik mereka, tahap pembacaan mereka masih rendah. Antara faktor-faktor penyebabnya ialah sukar memahami bahan yang dibaca, kurang bahan bacaan yang disebabkan oleh masalah kewangan dan juga pihak kolej kediaman tidak menyediakan bahan bacaan yang secukupnya sertakekangan masa.

Pihak kolej kediaman seharusnya juga memainkan peranannya sebagai elemen pembentuk kecemerlangan akademik pelajar. Menyediakan kemudahan seadanya tidak begitu memberi sokongan dalam pembacaan santai pelajar. Kemudahan pembacaan santai harus dimantapkan, berdasarkan bahan bacaan, kawasan bacaan dan perpustakaan. Kepelbagaiannya bahan bacaan merupakan faktor penting menggalakkan pelajar membaca. Kawasan bacaan dan perpustakaan yang kondusif patut menjadi agenda utama pihak pengurusan kolej dalam usaha meransang pelajar untuk membaca.

Block dan Mangieri [15] di dalam kajian mereka bertajuk "*Reason to Read: Thinking Strategies for Life Through Literature*" menyatakan bahawa pengalaman dalam pembacaan santai akan meningkatkan kebolehan individu dalam menumpukan perhatian dan konsentrasi, yang mana kedua-dua elemen ini adalah perlu untuk berjaya dalam akademik atau bidang professional lain. Kajian mereka juga telah membuktikan bahawa pelajar dapat mempertingkatkan kebolehan membaca mereka walaupun hanya dibenarkan membaca hanya 15 minit sehari.

Oleh yang demikian, para pelajar perlulah meningkatkan usaha, menambahkan daya dan mencuri masa untuk membaca secara santai walaupun hanya 15 minit sehari.

## Rujukan

- [1] Krashen, S. 1984. Writing: Research, Theory and Applications. Oxford: Pergamon

- [2] Stoyenoff, S. 1977. Factors Associated with International Students' Academic Achievement. *Journal of Instructional Psychology*. March 1977.
- [3] Sheik Kadir, S. A., 2003. Experience And Efforts in Literacy Programmes: Brief Country Report. National Library of Malaysia.
- [4] Kaur, S., Thiyagarajah, R., 2000. The English Reading Habits of ELLS Students in University Science Malaysia. Ultibase Articles [online]. Available at <http://ultibase.rmit.edu.au>.
- [5] Benjamin, K., 2004. What Are The Pattern Of College Student Recreational Reading. Thesis. St. Bonaventure University.
- [6] Block, C., Mangieri, J.N., 2002. Recreational reading: 20 years later. *Reading Teacher* 55 (6) 572-580.
- [7] Gallik, J. D. 1999. Do they read for pleasure? Recreational reading habits of college students. *Journal of Adolescent and Adult Literacy*, 42, 480-488.
- [8] **URL:** Krashen, S. Whole Language and the Great Plummet of 1987-92: An Urban Legend from California. Available at <http://www.pdkintl.org/kappan/k0206kra.htm>
- [9] Kaur, S., Thiyagarajah, R. Op. cit.
- [10] Krashen, S. Op. cit.
- [11] Lance, K. C. et. al. The Impact of School Library Media Centers on Academic Achievement." Castle Rock, Colorado: Hi Willow Research and Publishing, 1993.
- [12] Barron, B. G., 1990. Make Room for Children's Literature. *Reading Improvement*, 27(4), 282-83
- [13] **URL:** Risko et al. Parents' Voices in the Discussion of the Rights of Readers. Available at [http://www.americanreadingforum.org/04\\_yearbook/html/Risko\\_et\\_al\\_ARF\\_04.htm](http://www.americanreadingforum.org/04_yearbook/html/Risko_et_al_ARF_04.htm)
- [14] Forsythe, W. I., 2003. Intermediate students' attitudes towards recreational reading and choice of free-time activities. *The Journal of Secondary Alternate Education*.
- [15] Block, C., Mangieri, J.N. Op. cit.